

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 16 Mac 2017**

**SOALAN**

Dato' Shamsul Anuar Bin Hj. Nasarah [ Lenggong ] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan jenis penderaan kanak-kanak yang terjadi dari tahun 2015 hingga kini. Apakah faktor manapun punca berlakunya kes sedemikian dari tahun ke tahun dan bagaimana Kementerian merancang untuk menangani masalah ini.

## **JAWAPAN**

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) amat prihatin dan memandang serius akan kes penderaan ke atas kanak-kanak yang merupakan aset penting yang bakal mencorakkan masa hadapan negara. Akta Kanak-Kanak (Pindaan) 2016 menyatakan penderaan kanak-kanak terbahagi kepada tiga jenis atau kategori iaitu penderaan fizikal, seksual dan emosi. Berdasarkan statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat, kes penderaan kanak-kanak mengikut jenis kes pada tahun 2015 hingga 2016 adalah seperti berikut, penderaan fizikal adalah sebanyak 2,470 kes ataupun 53.09 peratus, penderaan seksual sebanyak 2,012 kes ataupun 43.25 peratus dan penderaan emosi adalah sebanyak 170 kes ataupun 3.65 peratus. Penderaan fizikal adalah merupakan kategori kes paling tinggi berlaku terhadap kanak-kanak yang dilaporkan kepada JKM. Tuan Yang Dipertua, Terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan berlakunya kes penderaan terhadap kanak-kanak. Dalam kebanyakan kes yang amat teruk, penderaan terhadap kanak-kanak boleh membawa kepada kematian. Antara faktor-faktor yang terlibat adalah : i) Perbalahan keluarga Berdasarkan statistik JKM, perbalahan keluarga adalah antara faktor utama yang menyumbang kepada penderaan kanak-kanak iaitu sebanyak 3,718 kes sepanjang tahun 2012 hingga 2016. Ada di kalangan ibu bapa yang mendera anak-anak mereka kerana krisis rumah tangga yang berlaku seperti pergaduhan antara suami isteri sehingga akhirnya kanak-kanak menjadi mangsa penderaan. ii) Pengabaian /Kecuaian ibu bapa/ penjaga Pengabaian atau kecuaian oleh ibubapa / penjaga sama ada secara sengaja atau tidak sengaja turut menjadi faktor penyumbang kepada kes penderaan terhadap kanak-kanak. Berdasarkan statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat sepanjang tempoh lima tahun, sebanyak 2,419 kes dilaporkan disebabkan oleh pengabaian / kecuaian ibu bapa / penjaga. Antara kejadian yang berlaku adalah seperti kanak-kanak ditinggalkan tanpa pengawasan, ditinggalkan dalam kereta, terjatuh dari eskalator, terjatuh dari bangunan dan membiarkan atau memberi kepercayaan kepada kanak-kanak keluar ke kedai atau pasar malam untuk membeli barang keperluan bersendirian. iii) Masalah Kewangan Kos hidup yang tinggi di bandar dengan pendapatan yang kecil menyukarkan ibu bapa untuk membesar anak-anak dan menyebabkan mereka terpaksa memikirkan bagaimana harus mencari pendapatan lebih untuk diberi kepada keluarga. Masalah kewangan yang melanda ses sebuah keluarga sering menyebabkan tekanan serta perbalahan antara suami isteri dan akhirnya akan menyebabkan mereka berkasar dan bertindak ganas terhadap anak-anak. iv) Tekanan di tempat kerja Masalah dan tekanan di tempat kerja dibawa balik ke rumah dan mereka melepaskan tekanan tersebut kepada anak-anak yang tidak berdosa. Tindakan ibu bapa yang melepaskan geram dan tekanan mereka kepada anak-anak merupakan satu tindakan yang tidak masuk akal. Ibu bapa yang tidak berfikiran matang ini mungkin akan memukul, menerajang, mencucuk putung rokok, atau sebagainya. v) Pendidikan agama dan ilmu keibubapaan yang cetek di kalangan ibu bapa. Pendidikan agama dan ilmu keibubapaan amat penting di dalam rumah tangga kerana ia boleh memberi panduan yang terbaik dalam menguruskan keluarga. Semua agama menerapkan sikap yang baik yang perlu dicontohi oleh setiap orang seperti tahap kesabaran yang tinggi terutamanya dalam melayan keranah anak-anak. Tuan Yang Dipertua, Bagi menangani kes penderaan kanak-kanak, KPWKM bersama agensi di bawahnya sedang dan telah mengambil langkah-langkah melaksanakan pelbagai inisiatif yang melibatkan penggubalan dasar dan perundangan, penyediaan perkhidmatan sokongan serta pelaksanaan program advokasi. Antara tindakan yang telah dan sedang dilaksanakan adalah: i) Pindaan terhadap Akta Kanak-Kanak 2001 yang kini dikenali sebagai Akta Kanak-Kanak (Pindaan) 2016 ii) Majlis Kebangsaan Bagi Kanak-Kanak iii) Dasar Perlindungan Kanak-Kanak iv) Penubuhan Pusat Aktiviti Kanak-Kanak v) Khidmat Kaunseling vi) Rumah Kanak-Kanak vii) Talian Kasih 15999 dan Childline viii) Program Advokasi - Kempen Keselamatan Kanak-Kanak Di Sekolah - Sahabat B.I.J.A.K, Kursus Pra perkahwinan SMARTSTART, Program Keluarga@Kerja (Parenting@Work), Kursus Ilmu Keluarga@LPPKN dan Program PEKERTI@Sekolah

